

18/07/1999

Beri sokongan padu (HL)

Kadir Dikoh; Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR: Masyarakat Cina tidak perlu cuba untuk menseimbangkan kekuatan di antara pembangkang dan kerajaan, sebaliknya harus memberi sokongan padu kepada Barisan Nasional (BN), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu mungkin menyebabkan terlampau ketidakseimbangan dan akhirnya BN gagal mendapat majoriti dua pertiga kerana gara-gara sebilangan kecil orang Cina suka memberi tempat kepada pembangkang konon untuk menseimbangkan kekuatan politik.

"Jika kerajaan lemah kerana majoriti yang kecil, kita tidak akan dapat melaksanakan tindakan penting untuk pemulihan ekonomi kita. Kerajaan perlu kuat untuk bertindak mempertahankan ekonomi negara ini.

"Oleh itu, MCA hendaklah menentukan sokongan bulat daripada kaum Cina dalam pilihan raya akan datang," katanya merasmikan Perhimpunan Agung MCA ke-46 di Wisma MCA, di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; pemimpin parti komponen BN lain dan pemimpin kanan MCA.

Bercakap dalam sidang akhbar kemudian, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, undi masyarakat Cina bagi BN sentiasa penting dan percaya mereka lebih yakin daripada sebelum ini selepas menyedari tindakan yang diambil kerajaan untuk memulihkan ekonomi terbukti berjaya.

Diminta mengulas lanjut mengenai sokongan sebilangan kecil masyarakat Cina bagi pembangkang untuk keseimbangan politik, Dr Mahathir berkata, mereka berpendapat ada baiknya jika jangan berikan BN terlalu kuat.

"Mereka hendak kerajaan BN, mereka fikir ada baiknya jika jangan bagi BN terlalu kuat. Mereka cuba imbangi kekuatan kerajaan dengan kekuatan pembangkang... tetapi dalam proses itu, mungkin dia menyebabkan bukan saja ada imbalan tetapi sebaliknya `overbalance' iaitu memihak kepada pembangkang.

"... dan ini sering berlaku di bandar dan dengan itu, penduduk bandar rugi kerana mereka diwakili parti pembangkang. Saya ingin menasihatkan mereka kalau mereka berpendapat BN boleh memberi khidmat, mereka perlu sokong BN. Tidak perlu cuba seimbang di antara pembangkang dan kerajaan," katanya.

Dalam ucapan itu juga, Dr Mahathir berkata Umno tetap menyokong sepenuhnya calon MCA dan BN lain dan percaya MCA juga akan berbuat demikian untuk berusaha bersungguh-sungguh memastikan kemenangan BN.

Katanya, itulah formula BN yang dijayakan sejak merdeka sehingga banyak sekarang ini ingin meniru formula berkenaan terutama parti lawan kononnya sudah membentuk pakatan pembangkang.

"Tetapi mereka (pembangkang) hanya berbuat demikian apabila pilihan raya hendak diadakan. Walaupun mereka cuba bentuk manifesto untuk masa depan, kita tahu ini hanyalah untuk mengabui mata pengundi.

"Mereka akan bersetuju dengan apa saja untuk memenangi pilihan raya. Selepas pilihan raya, menang atau kalah, mereka akan belakangkan manifesto mereka. Demikian selepas pilihan raya, janji Pas kepada (Parti) Semangat 46 dilupakan," katanya.

Perdana Menteri berkata, Pas rela menggugurkan apa yang mereka dakwa perjuangan mendirikan `Negara Islam' untuk mendapat sokongan DAP ketika pilihan raya.

Katanya, apakah Pas benar-benar menggugurkan `Negara Islam' ala Pas jika

menang pilihan raya manakala DAP pula berhasrat mengembalikan `Malaysian Malaysia' yang turut diterima Pas.

"Apakah DAP ikhlas untuk mengekalkan layanan istimewa bagi Bumiputera? Kemudian datang pula parti Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia Sosialis yang sanggup menyokong apa saja untuk mendapat undi. Bolehkah pakatan seperti ini mendirikan kerajaan?," katanya disambut oleh ungkapan "tidak boleh, tidak boleh" oleh lebih 2,000 perwakilan dan pemerhati MCA itu.

Mengenai sokongan masyarakat Melayu kepada BN, Dr Mahathir berkata ada sebilangan kecil yang terikut dengan hasutan dan fitnah pembangkang tetapi kata beliau keadaan itu boleh ditangani melalui penjelasan.

Ditanya pergeseran di antara dua parti komponen BN iaitu MIC dan Parti Progresif India (IPP), beliau berkata ia bukan perkara besar sambil menyifatkannya tidak sebesar pergeseran antara DAP, Keadilan dan Pas.

"Kita memang ada pergeseran, dalam parti pun ada juga... tetapi kecil. Apabila kita ada pilihan raya, mereka (parti komponen BN) akan rapatkan barisan," katanya.

Dr Mahathir menghargai sokongan kuat MCA yang disifatkannya sebagai setia dan padu kepada BN tanpa menampakkan keraguan di kalangan ahlinya ketika negara ditimpa bencana ekonomi dan politik serta ketika kerajaan mengambil pelbagai tindakan pemulihan yang luar biasa.

(END)